



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**TUKANG LUKIS (E.1-2-3 EB.4)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



TUKANG LUKIS
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
E.1-2-3 EB.4 (\$515-\$875 EB KHAS \$895-\$975 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (2)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

ATAU

- b) *BDTVEC / BTEC National Trade Certificate Grade 3 (NTC3) / National Vocational Certificate* atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- c) Telah berkhidmat di Kementerian Pembangunan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- d) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

DI JABATAN KERJA RAYA

1. Membantu Tukang Pelan Kanan / Tukang Pelan untuk melukis atau mereka bentuk atau memperbetulkan lukisan dalam bentuk renovasi atau mengubahsuai bangunan-bangunan yang hendak dibuat pemeliharaan;
2. Membuat lawatan ke tapak-tapak bina untuk menyukat jika diperlukan sebelum membuat reka bentuk yang dikehendaki;



3. Membantu Tukang Pelan Kanan / Tukang Pelan untuk menyiapkan semua lukisan-lukisan mengikut jadual atau jangka waktu yang telah ditetapkan supaya jadual mengeluarkan tawaran-tawaran daripada unit-unit lain tidak tergendala;
4. Membantu Ketua Unit yang lain jika diperlukan dalam melukis atau mereka bentuk atau memperbetulkan lukisan jika diperlukan; dan
5. Menerima arahan dari Ketua Bahagian atau Jurutera Kerja dari semasa ke semasa.

DI JABATAN TANAH

1. Melukis dan menyediakan peta kedudukan tapak tanah, jalan raya, longkang dan sebagainya;
2. Menyemak serta membuat perubahan atau pembetulan pada pelan-pelan yang telah dilukis; dan
3. Membantu dalam tugas-tugas Tukang Pelan.